

07 SEP 2003

Mahathir-Ulama

DR MAHATHIR PERTIKAI GELARAN SYAITAN BISU ULAMA UMNO

JITRA, 7 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempertikaikan apakah hak Pemangku Presiden PAS Datuk Seri Abdul Hadi Awang untuk membuat tuduhan ulama Umno sebagai "syaitan bisu".

Perdana Menteri berkata Menteri Besar Terengganu itu tidak boleh membuat tuduhan macam itu kerana ia belum tentu betul atau tidak, malahan Abdul Hadi perlu menyatakan alasan kenapa tergamak membuat tuduhan sebegitu.

"Apa hak dia nak panggil ulama Umno sebagai syaitan. Dia tuhan kah, dia tahu kah dia betul atau tidak. Dia tidak boleh buat tuduhan macam itu," katanya kepada pemberita semasa diminta mengulas kenyataan Abdul Hadi yang menyatakan bahawa "syaitan bisu" yang disebutnya pada persidangan Dewan Undangan Negeri baru-baru ini adalah merujuk kepada ulama Umno dan bukan kepada Polis.

Dr Mahathir ditemui pemberita selepas mengadakan pertemuan tertutup dengan pemimpin Barisan Nasional (BN) dalam kawasan Parlimen Kubang Pasu di pejabat Umno Bahagian Kubang Pasu di sini, hari ini.

Perdana Menteri berkata pemimpin PAS Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Aziz Nik Mat yang sebaliknya "berkawan dengan syaitan" sebab itu beliau telah mengeluarkan kenyataan tuhan mencarut.

"Sebaliknya kita tahu Nik Aziz dengan syaitan pun dia kawan, asalkan dia menang pilihan raya. Sebab dok kawan dengan syaitan Nik Aziz boleh kata macam-macam seperti tuhan mencarut," katanya.

Ditanya adakah tindakan boleh diambil terhadap pemimpin PAS yang membuat kenyataan seperti itu yang dikhuatiri boleh menjejaskan kententeraman, Dr Mahathir berkata tindakan boleh diambil sekiranya ada bukti jelas.

Bagaimanapun, katanya, tindakan itu mungkin akan menimbulkan masalah pula kepada negara kerana penyokong parti pembangkang berkemungkinan menggunakan tindakan kerajaan terhadap pemimpin mereka itu sebagai alasan untuk menimbulkan huru hara kepada negara.

Ditanya mengenai pertemuan dengan pemimpin BN Kubang Pasu, beliau berkata antara perkara yang disentuh adalah meminta mereka terus menyokong siapa sahaja calon BN bagi kawasan Kubang Pasu pada pilihan raya umum akan datang.

Dr Mahathir yang akan bersara bulan depan berkata sokongan itu penting bagi memastikan kemenangan serta menjamin BN terus menjadi kerajaan di negara ini.

Kepada satu soalan mengenai kemungkinan terdapat penurunan ataupun kenaikan cukai pada bajet negara untuk tahun depan yang akan dibentangkan 12 Sept, Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata tunggulah tarikh itu.

"Sabarlah, kalau bagi tau sekarang habislah modal saya," katanya.

-- BERNAMA

MZM RON